



Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi November 2022



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut

SESI PERKONGSIAN PENGALAMAN BAGI KERJA PEMBANGUNAN KERANGKA KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)



1 November 2022 - Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pengangkutan Malaysia (UKK MOT) telah mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama pegawai Unit Korporat JLM (UK JLM) yang diadakan di Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN).

Sesi perkongsian tersebut diketuai oleh Ketua UKK MOT, Encik Muhammad Sabri bin Salleh dan pegawai-pegawai daripada setiap seksyen di bawah UKK MOT. Turut hadir semasa sesi perkongsian tersebut ialah YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JLM, Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Pengarah MATRAIN, Encik Mohammad Hisham Bin Ali, Ketua UK JLM dan pegawai-pegawai daripada UK JLM.

Sesi perkongsian tersebut merupakan salah satu inisiatif pihak MOT dan JLM bagi meningkatkan mutu kualiti kerja dan seterusnya dapat menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik kepada orang awam.

MAJLIS APRESIASI ATLET JLM WILAYAH SELATAN 2022



3 November 2022 - Majlis Apresiasi Atlet JLM Wilayah Selatan sempena Temasya Sukan JLM bagi tahun 2022 telah diadakan bertempat di Bilik Auditorium, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan.

Tujuan majlis ini diadakan untuk meraikan kejayaan kontingen JLM Wilayah Selatan merai tempat ketiga di dalam Temasya Sukan JLM yang telah berlangsung di Kuala Terengganu, Terengganu.

Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan. Pada majlis ini beliau turut menyatakan harapan kecemerlangan sukan wilayah diteruskan pada edisi Sukan JLM yang ke 10 yang akan menyaksikan JLM Sabah sebagai tuan rumah.

Seramai 30 orang atlet dan pengurus pasukan sukan telah menerima saguhati penghargaan. Untuk rekod, kontingen Harimau Selatan berjaya mengekalkan kejuaraan di dalam dua (2) acara sukan iaitu acara larian 100 meter terbuka dan acara memanah berpasukan.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI KOREA *SHIPBUILDING INDUSTRY* *COOPERATIVE* (KOSIC) KE JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

3 November 2022 – Delegasi Korea *Shipbuilding Industry Cooperative* (KOSIC) telah mengadakan kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia. Kehadiran delegasi daripada KOSIC telah disambut oleh YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JLM dan Encik Arumugam a/l V.S Subramaniam, Pengarah Bahagian Operasi Maritim (BOM) JLM.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkenalkan KOSIC kepada JLM disamping bertukar pandangan mengenai industri maritim semasa. Selain itu, KOSIC berharap agar JLM dapat menyokong usaha KOSIC bekerjasama dengan *Malaysian Ship-owners* dan limbungan tempatan agar dapat membangunkan *smart ships* dan *eco-friendly ships*.



KERJA-KERJA PENEMPATAN SEMULA PELAMPUNG PANDU KUALA BESAR 1R (KB1R) KOTA BHARU, KELANTAN

4 November 2022 – Bahagian Pengurusan Trafik & Bantuan Pelayaran (BPTBP) Wilayah Timur bersama Ketua Pejabat Laut Kuala Besar dan Persatuan Nelayan Kuala Besar telah hadir secara langsung dalam kerja-kerja penempatan semula Pelampung Pandu Kuala Besar 1R (KB1R) yang dijalankan oleh MV Nestline 1.

Ini susulan daripada hasil libat urus dan aduan yang diterima daripada wakil Persatuan Nelayan berhubung kedudukan asal KB1R yang kurang sesuai dan boleh menyebabkan pelampung pandu terputus, hanyut dan risiko bahaya kepada pengguna alur pelayaran yang terdiri daripada bot-bot nelayan setempat. Kerja-kerja penempatan semula ini adalah bagi menjamin keselamatan alur pelayaran dan keberkesanan fungsi pelampung pandu di kawasan tersebut.



PENERIMAAN TERHADAP PINDAAN KEPADA KONVENSYEN PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA 1948



Dalam sebuah majlis ringkas pada 4 November 2022 di Ibu Pejabat IMO di London, United Kingdom, delegasi Malaysia yang diketuai oleh TYT Dato' Zakri Bin Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan disertai oleh wakil-wakil daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Laut Malaysia telah menandatangani Instrumen Penerimaan bagi Pindaan kepada Konvensyen tersebut kepada *Secretary-General* IMO, Kitack Lim.

4 November 2022 - Malaysia telah menerima Pindaan kepada Konvensyen Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) 1948 yang merangkumi pindaan untuk meningkatkan saiz Majlis, melanjutkan penggal ahli Majlis dan mengiktiraf tambahan tiga teks bahasa sebagai versi autentik Konvensyen berkenaan.

Malaysia merupakan ahli Majlis IMO pertama di kalangan negara ASEAN yang telah menandatangani Instrumen Penerimaan berkenaan. Pindaan yang telah dipersetujui semasa Perhimpunan Agung IMO sesi ke 32 pada bulan Disember 2021 memerlukan penerimaan daripada dua per tiga negara ahli IMO untuk mula berkuat kuasa.

KUNJUNGAN HORMAT PERSATUAN PEMILIK KAPAL MALAYSIA (MASA) DI JLM WILAYAH SELATAN



8 November 2022 - JLM Wilayah Selatan telah berbesar hati menerima kunjungan hormat YBr. Tuan Mohamed Safwan bin Othman, Pengerusi MASA.

Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan erat antara Jabatan dan Persatuan di samping bertukar-tukar fikiran berhubung perkembangan semasa industri maritim di Malaysia khususnya di Negeri Johor.

YBr. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan bersama-sama Tuan Mohd. Reduan bin Mohd. Ali, Ketua Penolong Pengarah Kanan BPTBP Wilayah, turut menyentuh isu-isu berkaitan hal ehwal kebijakan pelaut serta potensi-potensi besar industri maritim Negara terutamanya di Negeri Johor yang boleh diterokai dalam menjana ekonomi Negara yang memberikan limpahan kesan rantaian ekonomi yang positif kepada semua yang terlibat.

KUNJUNGAN HORMAT PETRONAS MALAYSIA DI JLM WILAYAH SELATAN



9 November 2022 - JLM Wilayah Selatan berbesar hati menerima kunjungan hormat YBhg. Dato' Zulkilfi bin Abdullah, Ketua Pegawai Keselamatan PETRONAS MALAYSIA.

Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan erat antara Jabatan dengan pihak PETRONAS di samping bertukar-tukar fikiran berhubung isu-isu keselamatan semasa industri maritim di Malaysia khususnya di Negeri Johor.

Turut hadir dalam menyambut delegasi ialah Tuan Mohd. Reduan bin Mohd.Ali, Ketua Penolong Pengarah Kanan BPTBP dan Tuan Haji Shah Habidin Arib bin Jaafar, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Operasi Maritim. Kunjungan ini turut membincangkan perkembangan semasa industri maritim Negara terutamanya di perairan Johor.

Semoga kunjung hormat ini dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara PETRONAS MALAYSIA dan Jabatan dalam menjadi peneraju industri Maritim Negara.

MAJLIS UJIAN & PENTAULIAHAN PANGKAT KOPERAL TKRS & SARJAN KRS, DAERAH JOHOR BAHRU



16 November 2022 - Majlis ujian & pentauliahn Pangkat Koperal TKRS & Sarjan KRS Daerah Johor Bahru telah diadakan dengan kerjasama JLM Wilayah Selatan dengan jayanya. Seramai 350 orang pelajar sekolah rendah & menengah daerah Johor Bahru telah berkampung selama 3 hari bermula dari 14hb -16hb November 2022.

Aktiviti anjuran PPDJB dengan ini merupakan acara tahunan dan menyaksikan buat julung-julung kali JLM Wilayah Selatan menjalinkan kerjasama dengan pihak berkenaan.

YBrs. Tuan Khairil Azizie bin Che Mat, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Selatan sempat berkongsi pengalaman menerusi slot bersama JLM.

Majlis perasmian penutup majlis pentauliahn itu telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Kamal bin Untong, Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru bersama-sama dengan kehadiran barisan pegawai-pegawai kanan, barisan sekretariat KRSTKRS Daerah Johor Bahru selaku urusetia & penyelaras program dan tidak lupa tenaga kerja pensyarah & pelatih2 daripada Institut Pendidikan Perguruan (IPB) Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.

Persekitaran kompleks Jabatan meriah dengan pelbagai aktiviti seperti perkhemahan, kawad kaki, dan kemahiran-kemahiran asas KBS telah dijalankan dengan kerjasama erat diberikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan.

CUTI KHAS PILIHANRAYA UMUM KE-15 - PERSATUAN BOT PENAMBANG PANTAI MERDEKA / TANJUNG DAWAI SEDIA BERI PERKHIDMATAN TERBAIK

16 November 2022 - Pelaksana Ketua Pejabat Laut Kuala Kedah serahkan Lesen Bot kepada 10 ahli Persatuan Bot Penambang Pantai Merdeka / Tanjung Dawai, Kedah yang memperbaharui Lesen Bot mereka. Usaha ini merupakan persediaan Ahli Persatuan bagi memberi perkhidmatan terbaik dan selamat kepada orang ramai yang dijangka berkunjung ke lokasi pelancongan terkenal ini semasa Cuti Khas PRU-15 pada 18 dan 19 November 2022 (Jumaat - Sabtu).



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA SURAU AS-SAKINAH, JLM WILAYAH SELATAN

17 November 2022 - Satu program gotong-royong perdana telah diadakan bertempat di sekitar Surau As-Sakinah, JLM Wilayah Selatan.

Program ini bertujuan untuk memastikan kawasan kuarters khususnya di sekitar Surau As-Sakinah bersih dan bebas daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk khususnya pada musim monsun ini. Selain itu adalah bagi memastikan semangat kerjasama di kalangan pegawai dan kakitangan lebih erat di samping mempereratkan ukhuwah ahli kariah surau di kuarters.

Semoga usaha murni ini diteruskan lagi dengan semangat kerja berpasukan sesuai dengan semangat #keluarga Malaysia.



LAWATAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI TUJUAN PEMURNIAN DAN PENENTUSAH KOD BIDANG KHAS LIMBUNGAN - 220701 & PEMBUAT BOT DAN KAPAL -110699

22 November 2022 - Lawatan ini merupakan kolaborasi Jabatan bersama-sama Kementerian dan Unit Kejuruteraan Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai Jabatan teknikal, merupakan inisiatif Kementerian Kewangan Malaysia bagi melakukan pemurnian kod bidang khas limbungan kapal dan pembuat bot dan kapal ke atas syarikat- syarikat yang berhasrat melakukan pembaharuan kod bidang tersebut atau menambah kod-kod bidang berkenaan.

Seramai 4 orang pegawai terlibat dalam lawatan berkenaan dan sebanyak 2 buah limbungan kapal telahpun dilawati bagi tujuan berkenaan. Turut hadir bagi tujuan ini ialah Leftenan Komander dan Pegawai Waran 1, Unit Kejuruteraan TLDLM.



SURVEYOR ZERO TO HERO

TAJUK: PELESENAN BOT

TARIKH 23
NOVEMBER
2022

MASA 2.30 PM
Hingga
3.30 PM

TEMPAT Google
Meet

PENCERAMAH

Encik Mohammad Nazri Bin Silim
Penolong Pegawai Laut Kanan
Bahagian Pendaftaran Kapal
Ibu Pejabat Laut

<http://surl.li/drrap>

Moderator


Muhammad Naqib
Perunding Latihan
MATRAIN

WEBINAR BKIM: SURVEYOR ZERO TO HERO: PERLESENAN BOT

23 November 2022 - MATRAIN dengan kerjasama BKIM telah berjaya menganjurkan sesi Webinar BKIM: Surveyor Zero to Hero dengan tajuk pada kali ini adalah Pelesenan Bot. Penceramah jemputan adalah Encik Mohammad Nazri Bin Silim, dari Bahagian Pendaftaran Kapal (BPK) Ibu Pejabat Laut.

Para peserta yang hadir dari segenap Pejabat Wilayah telah bersama-sama selama satu jam bersiaran dari pukul 2.30 -3.30 petang.

Semoga sesi seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan memberi manfaat kepada semua.



PENDEDAHAN AWAL DAN REFRESHER BAGI KAKITANGAN JLM WILAYAH SELATAN: *BASIC BOAT HANDLING*

24 November 2022 – Menyahut seruan Jabatan yang ingin melahirkan kakitangan yang kompeten dalam pengendalian bot, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan menerusi Bahagian Operasi Maritim telah menjalankan sesi latih amal asas pengendalian bot.

Sesi latih amal ini adalah bagi memberikan pendedahan awalan kepada Pembantu Laut yang akan menghadiri kursus *Basic Boat Handling* yang akan dijalankan di Institut Pengangkutan Laut (MATRAIN) dilaksanakan dengan jayanya.

Seramai 5 orang Pembantu Laut A19 terlibat dengan sesi berkenaan dibimbing oleh En. Mohd. Saiful bin Arshad, Pembantu Laut A22.


Selaras dengan hasrat Jabatan yang cakna tentang kompetensi dan tahap kecerdasan mental dan fizikal kakitangannya, YBrs. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan telah mengisytiharkan setiap hari Khamis sebagai hari latihan dan sukan Jabatan yang boleh dimanfaatkan oleh semua kakitangan.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) APLIKASI TEKNOLOGI E-NAV KESAN BOYA SUAR HANYUT

24 November 2022 – Pasukan Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP), JLM Wilayah Utara guna sistem penderiaan jauh dalam aplikasi teknologi e-Nav untuk kesan lokasi boya suar Rimau Fairway yang hanyut memasuki Had Pelabuhan Pulau Pinang. JLM amat menghargai bantuan masyarakat perkapalan dan orang ramai dalam memelihara integriti perkhidmatan alat bantuan pelayaran di perairan Negara.

CLOSING CEREMONY FOR THE STANDARD COURSE FOR VTS OPERATORS V-103/1



25th November 2022 – The Training for The Standard Course for VTS Operators V-103/1 was closed by YBr. Captain Mohamad Halim bin Ahmed, Director General of Marine, Marine Department Malaysia (MARDEP). This Training course is a joint effort between MARDEP and The Japanese Government attended by the nine (9) ASEAN States, which are from Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Philippines, Thailand, and Vietnam.

Accompanying the Deputy Director General are Captain Abdul Samad bin Shaik Osman, Deputy Director General of Marine (Operation), MARDEP, Ts. Dr. Julius Melvin Mobilik, Director of MATRAIN.

Also present at the closing ceremony are Mr. Saito Hiroaki, First Secretary of The Embassy of Japan in Malaysia, Ms. Johaira C. Wahab-Manantan (Third Secretary) of the Embassy of Philippines, Captain Supendi (Transportation Attache) Embassy of Indonesia, Mr. Thouk Bunthel (First Secretary) Embassy of Cambodia and Mr. Mohd Aizul Hakim Pehin Dato Haji Suyoi (First Secretary) Embassy of Brunei by Virtual, Mdm. Norhasliza Binti Mat Salleh (Deputy Under-Secretary of Maritime Division) Ministry of Transport Malaysia, Mr. Tsugo Awai (Vice Director General) Japan Coast Guard (JCG), Mr. Tomotsu IKEDA (Chief Executive Director) Japan Aids to Navigation Association, and officials from Malaysia and Japan.

Mr. Hoang Hong Giang (Chairman MTWG) ASEAN Maritime Transport Working Group (MTWG) was also present virtually.

Marine Department Malaysia (MARDEP), through Maritime Transport Training Institute (MATRAIN) as a Regional Training Centre for VTS (ARTV), is honored to have the privilege to host The Standard Course for VTS Operators V-103/1.

It is a result of the Expert Group Meeting on the Advanced Personnel Training Program for Vessel Traffic Service. The Standard Course for VTS Operators V-103/1 has been held from 05th September 2022 until 25th November 2022.

We would like to take this opportunity to congratulate all of you on the successful completion of the training program and we wish that all VTS Personnel will be doing their task diligently to ensure maritime navigation in this region is safe, secure, and efficient.



Foto Sekitar Majlis Penutup Kursus VTS Operator V-103/1





Seluruh warga Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10.



Seluruh warga Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. Kapten Haji Mohamad Halim Bin Ahmed atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Laut, JLM yang berkuatkuasa mulai 16 November.

KERATAN AKHBAR




BERNAMA
30 NOVEMBER 2022

Anak kapal Pedoman membuat persediaan sebelum melepaskan ketulan abu Al-Quran yang telah dikeringkan ke dalam laut pada Program Pemuliaan Al-Quran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia di Perairan Selangor hari ini. Pelepasan abu Al-Quran seberat 6.8 tan ke laut itu dilaksanakan dengan bantuan fasiliti dan aset Jabatan Laut Malaysia setelah melalui proses pembakaran dalam relau di Darul Kalam dengan cara yang betul mengikut panduan syarak. Proses ini merupakan satu proses pemuliaan Al-Quran yang selari dengan ketetapan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992. Program ini merupakan tindakan proaktif JAWI dalam memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kaedah pemuliaan Al-Quran yang betul sekaligus memelihara kesucian ayat-ayat suci Al-Quran pada setiap masa.



MALAYSIA GAZETTE
30 NOVEMBER 2022

Anak kapal Pedoman menyusun ketulan abu Al-Quran yang telah dikeringkan sebelum dilepaskan ke dalam laut ketika Program Pemuliaan Al-Quran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan Kerjasama Jabatan Laut Malaysia ketika di Perairan Selangor. Foto MOHD ADZLAN, 30 NOVEMBER 2022.



TANDA AWAL 'BURNOUT' DAN CARA MENGATASI

Apa itu *burnout*?

Keadaan emosi, mental dan keletihan fizikal yang disebabkan oleh tekanan berlebihan yang berpanjangan. Situasi ini terjadi apabila diri diselubungi kesedihan dan tidak dapat memenuhi keperluan diri atau terlalu banyak tekanan kerja dalam jangka masa yang amat panjang.



MUDAH MARAH?

Anda mungkin mempunyai petanda mengalami **'burnout'**



Burnout adalah istilah yang merujuk kepada satu keadaan emosi, mental dan fizikal yang mengalami kepenatan yang diakibatkan oleh stress yang berpanjangan dan berulang

Tanda-tanda burnout terangkum kepada 3 kluster utama:



Kepenatan dalam segala aspek sendiri individu



Kesinisan



Kehilangan kemampuan untuk mencapai tahap kerja sebelum ini

Sumber: LamanMinda



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



MUDAH MARAH?

Anda mungkin mengalami '*BURNOUT*'



TIPS MENGATASI BURNOUT

- | | | | |
|--------------------------------------|---|--|---|
| 1
Ambil masa untuk rehat seketika | 2
Bercakap dengan seseorang yang dipercayai | 3
Uruskan emosi dengan positif | 4
Berikan kata-kata positif kepada diri sendiri |
| 5
Makan makanan berkhasiat | 6
Lakukan teknik relaksasi seperti latihan pernafasan secara teratur | 7
Minta bantuan profesional seperti kaunselor | 8
Berpuas hati dengan apa yang telah dicapai dalam tugas |



UKK KKM

Burnout adalah sindrom yang disebabkan oleh stres di tempat kerja yang kronik dan tidak ditangani dengan baik. Terdapat tiga gejala anda mungkin mengalami *burnout* iaitu:

1. Perasaan keletihan yang melampau dan tidak berpuas
2. Perasaan negatif terhadap kerja yang dilakukan
3. Penurunan tahap kualiti kerja

Dikongsikan tip yang anda boleh amalkan untuk mengatasi *burnout*.

Anda telah lakukan yang terbaik, hargai dirimu



KEMPEN MEMBACA 10 MINIT



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA

- JABATAN LAUT MALAYSIA -

Peranan **tubuh** adalah untuk menjalankan segala aktiviti harian. **Akal** pula digunakan untuk berfikir dan merancang. **Nafsu** menyatakan keinginan dan kebencian, manakala **hati** ialah tempat menyatakan segala keputusan.

Oleh itu, **tubuh, akal, nafsu dan hati** ialah suatu kombinasi dalam diri manusia yang saling berhubung dan mempengaruhi antara satu sama lain. Pengaruhnya boleh menjadi manfaat dan pada ketika lain boleh membawa mudarat. Kombinasi yang unik ini diibaratkan Imam al-Ghazali sebagai sebuah negara atau kerajaan.

SUMBER: PENGURUSAN DIRI MENGIKUT MODEL AL-GHAZALI
SHAIK ABDULLAH HASSAN MYDIN
DBP, 2020

DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN

#KELUARGA
MALAYSIA

 Jabatan Laut Malaysia  elautmy  jabatanlaut  eJabatan Laut Malaysia  www.marine.gov.my



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA

- JABATAN LAUT MALAYSIA -

BIJAK BAHASA

Kata "**baharu**" ialah kata adjektif atau kata sifat dan kata "**baru**" ialah kata adverba atau kata keterangan.

BAHARU

BARU

Dia pegawai **baharu** di pejabat itu tetapi cekap berkerja.

Dia **baru** keluar dari wad.

CONTOH

Model **baharu** kereta itu sudah ada di pasaran.

Ketika **baru** diperkenalkan, sistem perbankan internet kurang mendapat sambutan.

Untuk melihat konteks makna kedua-dua patah kata itu, anda boleh meneliti contoh yang berikut:
"Saintis **baru** menemukan vaksin **baharu** untuk penyakit itu"

SUMBER: PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN

#KELUARGA
MALAYSIA

 Jabatan Laut Malaysia  elautmy  jabatanlaut  eJabatan Laut Malaysia  www.marine.gov.my



Siakap Stim

BAHAN - BAHAN:

Bahan-bahan untuk Siakap Stim:

- 1 ekor ikan siakap
- 2 batang serai
- 1 mangkuk besar air
- 1/2 -1 ketul kiub ayam atau stok ayam homemade
- 5 ulas bawang putih
- perahan jus dari 3 biji limau nipis, lebihkan jika bersaiz kecil
- 1 sudu besar parutan gula melaka
- 6-7 biji cili padi
- hirisan daun ketumbar
- 1-2 sudu besar sos ikan

Tips:

- a. Jika air kukusan ikan banyak sangat, boleh buang tinggal sedikit sahaja sebelum dituang kuah. Jangan bimbang, rasa tetap akan sedap nanti.
- b. Kalau kurang masin, tambah sos ikan. Kalau kurang manis, tambah lagi parutan gula melaka.
- c. Macam mana nak tau ikan kukus dah masak, tolak isi ikan dekat bahagian tulang yang dikelar tadi dengan menggunakan garfu. Jika isi mudah tertanggal dari tulang maksudnya ikan dan betul-betul masak.

CARA PENYEDIAAN:

Cara-cara untuk kukus siakap:

- a. Bersihkan ikan siakap dan kelar bahagian sisi kedua belah ikan.
- b. Titik serai dan masukkan ke dalam perut ikan.
- c. Panaskan periuk kukusan, kukus ikan selama lebih kurang 15 minit atau sehingga ikan masak.
- d. Sementara menunggu, sediakan kuah untuk dituang ke atas ikan.

Cara-cara untuk kuah cili limau:

- a. Panaskan air di dalam periuk.
- b. Masukkan kiub ayam, atau stok ayam homemade jika ada. Kalau guna stok ayam homemade boleh kurangkan sikit air. Masak sehingga mendidih dan tutup api.
- c. Tuang ke dalam mangkuk. Masukkan bawang putih yg dicincang halus, jus limau nipis, parutan gula melaka, hirisan cili padi, hirisan daun ketumbar dan sos ikan. Kacau sebat. Kita memang tak dididihkan bahan-bahan ni semua, ia cuma akan masak dalam air stok yg suam-suam panas tu aja. Dengan cara ini aroma dan kesegaran bahan-bahan dapat dikekalkan.
- d. Tuang kuah ke atas ikan yang sudah dikukus tadi.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Mohammad Hisham Bin Ali
Ketua Editor



YBrs. Kapten Hj. Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporate@marine.gov.my